



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PELUNCURAN PAMERAN SEMANGAT  
ASEAN,  
PAMERAN KARYA AGUNG DAN  
MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI  
JABATAN MUZIUM NEGARA (JMM)**

**24 APRIL 2025**

**DATARAN MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR**

Terima kasih Pengacara Majlis.

Salam Perpaduan, dan Salam Malaysia MADANI.

## **SALUTASI**

*\*Salutasi akan disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur, pagi ini kita dapat berkumpul bersama-sama di **Majlis Peluncuran Pameran Semangat ASEAN, Pameran Karya Agung dan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri** anjuran Jabatan Muzium Malaysia.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin** terutama kepada warga kerja Jabatan Muzium Malaysia.
3. Aidilfitri adalah simbol kemenangan, bukan sahaja atas kejayaan menunaikan ibadah puasa, tetapi juga dalam mengawal diri, memperkuat akhlak dan mempererat hubungan sesama insan. Ia adalah masa untuk saling bermaafan, memperbaharui silaturahim dan menyemai kasih sayang tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

## **PENGISIAN PROGRAM JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

4. Untuk makluman semua, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) khususnya Muzium Negara telah merangka pelbagai aktiviti menarik sepanjang tahun ini. Saya dimaklumkan bahawa sebanyak **138 program telah dirancang bagi tahun 2025**.
5. Sebagai institusi yang memelihara sejarah dan budaya negara, **Muzium Negara memainkan peranan penting bukan sahaja dalam mendidik masyarakat, tetapi juga dalam memperkuuhkan semangat perpaduan dan jati diri kebangsaan.** Program-program anjuran Muzium seperti pameran, bengkel, dan aktiviti komuniti bukan sekadar memberi maklumat ia membina jambatan antara generasi dan antara kaum.
6. Melalui pendekatan yang inklusif dan interaktif, **Muzium Negara berjaya menjadi ruang pertemuan budaya**, tempat di mana semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang boleh berkumpul, belajar, dan menghargai kekayaan sejarah negara kita bersama-sama.

7. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyambut baik usaha-usaha yang dimainkan pelbagai pihak sebagai rakan kolaboratif bagi membantu membina tapak integrasi yang lebih kukuh melalui program-program yang dilaksanakan.
8. Seperti diterangkan oleh Ketua Pengarah sebentar tadi, penganjuran **Pameran Karya Agung mempamerkan pelbagai koleksi seni kraf tempatan daripada pelbagai kaum termasuk Tokoh dan Adiguru Kraf Negara terdiri daripada Sabah, Sarawak dan Masyarakat Orang Asli**. Ini jelas memperlihatkan bagaimana warisan seni kraf ini turut menjadi wahana perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia dan menjadi tarikan pelancong di negara ini.
9. Begitu juga dengan **Pameran Semangat ASEAN** yang diadakan bukan sahaja bertujuan untuk memperkenalkan kepelbagaiannya budaya dan tradisi daripada negara-negara ASEAN, tetapi juga menonjolkan pencapaian kita sebagai sebuah negara yang menjadi contoh kepada dunia dalam hal perpaduan dan integrasi pelbagai kaum.

Hadirin saya hormati sekalian,

**WARISAN DUNIA UNESCO / UNESCO MEMORY OF THE WORLD INTERNATIONAL REGISTER**

10. Sukacita saya ingin mengumumkan bahawa koleksi **The Birth of the Association of Southeast Asia Nations (ASEAN) (Archives about the Formation ASEAN, 1967 – 1976)** yang dicalonkan oleh Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand **berjaya diiktiraf di bawah Daftar Warisan Dunia UNESCO atau UNESCO Memory of the World (MoW) International Register pada 17 April 2025 di Paris, Perancis.**
11. The ASEAN Declaration atau Deklarasi ASEAN bertarikh 8 Ogos 1967 daripada Arkib Negara Malaysia merupakan salah satu bahan yang menyumbang kepada kejayaan ini.
12. **Turut mendapat pengiktirafan UNESCO Memory of the World International Register adalah The Works of Hamzah Fansuri**, karya agung kesusastraan Melayu abad ke-16 menerusi **pencalonan bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Nasional Republik Indonesia**. Pengiktirafan ini amat signifikan kepada Malaysia selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini.

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

## **PENUTUP**

13. Saya amat menyokong dan menggalakkan penyertaan aktif daripada pelbagai lapisan masyarakat, khususnya golongan muda, dalam program-program seperti ini. Mereka adalah pewaris masa depan negara dan perlu diasuh dengan kefahaman yang mendalam tentang asal-usul dan pembinaan negara bangsa.
14. Sebelum mengakhiri ucapan ini, terima kasih sekali lagi diucapkan kepada institusi muzium, semua rakan strategik, rakan media dan semua pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung demi memastikan kelancaran bagi pelaksanaan program ini.
15. Saya dengan ini berbesar hati merasmikan **PAMERAN SEMANGAT ASEAN, PAMERAN KARYA AGUNG dan MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI, JABATAN MUZIUM MALAYSIA.**

Sekian, Terima Kasih.